



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 5 TAHUN 2020

**PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT SECARA VERTICAL IAITU KELAYAKAN
DIPLOMA KE SARJANA MUDA DALAM KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN
IDRIS (PERKARA AKADEMIK) BAGI PROGRAM PERINGKAT SARJANA MUDA
PINDAAN 2019**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
10 Mac 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10 Mac 2020

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 5 TAHUN 2020

PENAMBAHBAIKAN DASAR PINDAH KREDIT SECARA VERTICAL IAITU KELAYAKAN DIPLOMA KE SARJANA MUDA DALAM KAEDAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERKARA AKADEMIK) BAGI PROGRAM PERINGKAT SARJANA MUDA PINDAAN 2019

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-188 Bilangan 3/2020 yang bersidang pada 10 Mac 2020 telah bersetuju meluluskan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit Secara Vertical Iaitu Kelayakan Diploma ke Sarjana Muda Dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) Bagi Program Peringkat Sarjana Muda Pindaan 2019.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Dasar Jaminan Kualiti yang diputuskan melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2011 - 3/2011 rujukan JPT(A)1000/001/013/05 (17) bertarikh 27 Mac 2012 telah menyatakan dasar pindah kredit secara vertical semasa iaitu kelayakan Diploma ke Sarjana Muda adalah seperti berikut:

2.1.1 Pindahan kredit kelayakan Diploma ke kelayakan Sarjana Muda dibenarkan sehingga **maksimum 30%** (lebih kurang satu tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang diikuti.

2.1.2 Dasar pindah kredit yang ditetapkan ini perlu berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:

- i. Gred lulus - gred minimum iaitu Gred C.
- ii. Nilai Kredit - sama dengan nilai kredit kursus bagi program PPT penerima.

- iii. Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang 80%.
- iv. Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk Akreditasi Sementara)/ Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

2.2 Surat makluman daripada JPT telah diterima berkenaan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar - Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 3/2019 bertarikh 10 Disember 2019 yang telah bersetuju di atas penambahbaikan ketetapan dasar pindah kredit.

2.3 Penambahbaikan ketetapan dasar pindah kredit yang telah dipersetujui adalah untuk perkara seperti berikut;

2.3.1 pindahan kredit untuk kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) secara *vertical* dengan pindahan **maksimum sebanyak 50%** daripada jumlah kredit program yang diikuti dengan ketetapan berikut:

Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

2.3.2 ketetapan dasar pindah kredit seperti di perkara 2.1.2 adalah dikekalkan.

2.3.3 pindah kredit maksimum 60% masih dikekalkan bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL (C)], *Massive Open Online Courses* (MOOC) dan *Micro-Credential* (MC).

3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit Secara Vertical iaitu Kelayakan Diploma ke Sarjana Muda Dalam Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik).

3.2 Pindaan pada Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) (pindaan) 2019 adalah seperti berikut:

:

Kaedah UPSI Asal	Kaedah UPSI Selepas Pindaan
<p>3.7 Pengecualian Kredit (Kursus)</p> <p>3.7.1 Pengecualian kredit ialah pengecualian yang diberi kepada pelajar daripada mengikuti kursus tertentu yang diiktiraf oleh Senat untuk pengajian di universiti kerana telah memenuhi syarat lulus kursus setara yang diambil dari mana-mana institusi sebelum diterima.</p> <p>3.7.2 Pelajar boleh memohon pengecualian kursus daripada fakulti dalam semester pertama selepas mendaftar sebagai pelajar universiti.</p> <p>3.7.3 Penyetaraan kursus peringkat Diploma dengan kursus peringkat Sarjana Muda (secara vertical) perlu melibatkan:</p> <p>3.7.3.1 bagi kursus yang melibatkan <i>sharing code</i> diploma UPSI, penyetaraan boleh melibatkan 1 kursus sahaja dengan memperoleh purata sekurang-kurangnya Gred B.</p> <p>3.7.4 Senarai kursus yang dianggap setara oleh fakulti perlu mendapat kelulusan Dekan.</p>	<p>3.7 Pemindahan Kredit Tanpa Gred (Pengecualian Kredit)</p> <p>3.7.1 Pemindahan kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Vertikal - pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi seperti diploma ke sarjana muda. ii. Horizontal - pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti diploma ke diploma atau sarjana muda ke sarjana muda. <p>KEKAL</p> <p>3.7.3 Pemindahan Kredit Secara Vertikal</p> <p>3.7.3.1 Dibenarkan dengan pindahan maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program dengan memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.</p> <p>3.7.3.2 Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah adalah tidak dibenarkan. (Dasar Pindah Kredit MQA)</p> <p>KEKAL</p>
<p>3.7.5 Kriteria pengecualian kredit adalah seperti berikut:-</p> <p>3.7.5.1 Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus-kursus berkenaan.</p> <p>3.7.5.2 Kursus tidak melebihi tempoh lima (5) tahun.</p>	<p>KEKAL</p> <p>KEKAL</p> <p>KEKAL</p>

Kaedah UPSI Asal	Kaedah UPSI Selepas Pindaan
<p>3.7.5.3 Tiada had untuk pengecualian kredit kepada pelajar yang telah mempunyai kelayakan (Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA)</p>	<p>GUGUR</p>
<p>3.7.5.4 Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit perlu mempunyai kesetaraan kurikulum tidak kurang 80% dengan kursus yang ditawarkan. (Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA)</p>	<p>KEKAL</p>
<p>3.7.5.5 Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang mendapat Akreditasi/ Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.</p>	<p>3.7.5.5 Kursus untuk pindah kredit mempunyai nilai kredit yang sama dengan nilai kredit kursus bagi program PPT penerima. (Dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh MQA)</p>
<p>3.7.5.6 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit melalui fakulti dalam tempoh empat (4) minggu selepas mendaftar sebagai pelajar Universiti.</p>	<p>3.7.5.6 Perubahan nombor</p>
<p>3.7.6 Pengecualian kredit Kursus Universiti hanya dibenarkan secara horizontal sahaja.</p>	<p>GUGUR (maksud yang sama seperti di 3.7.2)</p>
<p>3.7.7 Permohonan pengecualian kursus oleh pelajar perlu mengemukakan sinopsis kursus terlibat.</p>	<p>3.7.6 Pemindahan Kredit Secara Horizontal</p> <p>3.7.6.1 Tiada had pemindahan kredit bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama di universiti yang sama.</p> <p>3.7.6.2 Kriteria pemindahan kredit adalah tertakluk kepada Pekara 3.7.5.</p>
<p>3.7.7 Permohonan pengecualian kursus oleh pelajar perlu mengemukakan sinopsis kursus terlibat.</p>	<p>KEKAL</p>

Kaedah UPSI Asal	Kaedah UPSI Selepas Pindaan
<p>3.7.8 Kursus yang diberi pengecualian tidak diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.</p>	<p>KEKAL</p>
<p>3.8 Pemindahan Kredit antara IPT</p>	<p>3.8 Pemindahan Kredit Dengan Gred</p>
<p>3.8.1 Pemindahan kredit ialah kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar sesebuah IPT dari IPT lain, setelah mengikut kursus tertentu dan lulus dalam tempoh pengajian yang dibenarkan dengan kelulusan fakulti tempat di mana dia mendaftar sebagai pelajar.</p>	<p>3.8.1 Pindah kredit dengan gred adalah secara horizontal bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK.</p>
<p>3.8.2 Kriteria pemindahan kredit adalah seperti berikut:-</p>	<p>GUGUR</p>
<p>3.8.2.1 Tertakluk kepada perkara 3.7.5.</p>	<p>GUGUR</p>
<p>3.8.2.2 Nilai kredit kursus berkenaan perlu sama dengan nilai kredit kursus bagi program di UPSI.</p>	<p>GUGUR</p>
<p>3.8.2.3 Kursus yang dipindahkan kredit akan diambil kira dalam pengiraan PNGS dan PNGK untuk pengijazahan.</p>	<p>GUGUR</p>
<p>3.9 Pemindahan Kredit APEL (C)</p>	<p>3.8.2 Senarai kursus yang dianggap setara oleh fakulti perlu mendapat kelulusan Dekan.</p>
<p>Kursus yang dipohon untuk pindah kredit bagi APEL (C) hendaklah berdasarkan dasar yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).</p>	<p>Pengecualian kredit maksimum 60% bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik dan Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL (C)], <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i> dan <i>Micro-Credential (MC)</i>.</p>

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 10 Mac 2020.

SUHAILA SIDEK

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 10 Mac 2020